



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

---

#### PENANDAAN MYSTI OLEH MOSTI MEMBERI KEUTAMAAN INOVASI TEKNOLOGI TEMPATAN BAGI PEROLEHAN KERAJAAN

- Perolehan kerajaan akan mengutamakan penggunaan produk “**ciptaan Malaysia**” •
- Sekurang-kurangnya 50 barang dan perkhidmatan memasuki perolehan kerajaan
- Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia 2023 (MCY 2023) mengetengahkan antara inovasi terbaik tempatan untuk pasaran

**KUALA LUMPUR, 27 Jun 2023** – YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan dua inisiatif strategik bagi mempertingkatkan taraf serta menjana permintaan untuk inovasi ‘ciptaan Malaysia’, terutamanya untuk sektor perolehan Kerajaan.

**Dua inisiatif ini iaitu MySTI dan MCY** akan mempercepatkan pembangunan dan pemasaran produk-produk R&D. Bagi tujuan pengkomersialan, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, Kerajaan menyasarkan sebanyak 500 produk berjaya dikomersialan di pasaran tempatan dan luar negara.

Inisiatif Penggunaan Barang dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan (**MySTI**) dan Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2023 tertumpu kepada barang dan perkhidmatan tempatan yang sedia-ke-pasaran untuk merangsang inovasi tempatan dalam pelbagai bidang, bagi mewujudkan peluang pekerjaan, mencipta nilai sosio-ekonomi dan meningkatkan daya saing negara menurut prinsip Malaysia Madani.

“Keutamaan inovasi sangat penting dalam pemulihan ekonomi Malaysia, dan kita ingin menjana penawaran dan permintaan untuk barang ‘ciptaan Malaysia’ dalam bidang Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI). Barang dan perkhidmatan dengan logo MySTI akan diberikan akses dan keutamaan dalam Perolehan Kerajaan, sebagai komitmen Kerajaan untuk mencapai sasaran Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030,” kata YB Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam ucapannya.

MySTI mensasarkan 300 produk diberi pensijilan dan penandaan MySTI dalam jangka masa 2 tahun dan sekurang-kurangnya 50 barang dan perkhidmatan memasuki perolehan Kerajaan. Inisiatif ini akan merancakkan lagi aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan di kalangan penyelidik dan inovator tempatan untuk mencari penyelesaian teknologi dan inovasi yang mampan bagi menangani isu-isu kritikal negara.

Program MySTI yang disokong oleh Kementerian Kewangan, memberikan ruang dan peluang kepada anak tempatan untuk menonjolkan keupayaan mereka dalam penghasilan daya cipta dan hak harta intelek menerusi produk-produk R&D yang mampu bersaing dengan produk-produk lain di pasaran. Ini secara tidak langsung akan merancakkan ekonomi negara dan seterusnya memberikan impak positif kepada kemajuan negara.

Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI berkata, “Para inovator dan teknopreneur dapat memanfaatkan platform MySTI yang menyediakan laluan istimewa dalam perolehan Kerajaan. Syarikat-syarikat yang menyertai program ini akan turut diberikan sokongan untuk menembusi pasaran antarabangsa bagi menarik pelaburan dan kerjasama luar negara. Sekaligus, memperkuuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat inovasi serantau.”

“Dengan sokongan menerusi perolehan Kerajaan, kita akan memperkasakan lebih ramai inovator dan hasil ciptaan Malaysia agar lebih menyerlah – dalam memacu kemajuan ke arah negara berteknologi dan berpendapatan tinggi,” kata Dzuleira Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), agensi dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang dipertanggungjawabkan ke atas kedua-dua program ini.

Usaha-usaha ini juga bertujuan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Inovasi Global, sekali gus memperhebatkan daya saing negara pada mata dunia.

Program Penggunaan Barang dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan MySTI ialah sebuah program komprehensif untuk meningkatkan taraf barang dan perkhidmatan yang dihasilkan daripada sumber penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) dan hak harta intelek (*IP*) yang didaftarkan di Malaysia.

Direktori dalam talian ini akan menggalakkan interaksi antara bakal pembeli dan penjual yang berada di platform tersebut. Setiap produk yang tersenarai telah didaftarkan sebagai “ciptaan Malaysia” dan mempunyai sijil dengan nombor bersiri yang tersendiri, serta berhak untuk menggunakan logo MySTI untuk pemasaran. Kerajaan sedang meneliti mengenai pewujudan dana kerjasama antara kerajaan-swasta bagi menyokong perkembangan produk-produk ini di pasaran.

Dalam tempoh terhad, tiada yuran permohonan dikenakan untuk pendaftaran barang dan produk yang sedia-ke-pasaran di platform MySTI. Produk-produk di peringkat awal R&D tidak layak untuk disenaraikan dan hanya produk-produk R&D yang telah sedia-ke-pasaran boleh disenaraikan, tertakluk kepada kelulusan Kementerian. Butiran lengkap boleh didapati di [www.mysti.gov.my](http://www.mysti.gov.my)

Pada majlis ini, YB Menteri turut mengumumkan Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit) 2023 yang akan diadakan pada 3 dan 4 Ogos 2023 di Connexion Bangsar South. Pelbagai pengisian menarik disediakan, antaranya termasuklah:

- I. Majlis Perasmian oleh YAB Perdana Menteri;
- II. Penyampaian Anugerah MCY 2022 dengan hadiah bernilai RM1 juta;
- III. Pelancaran Produk MCY;
- IV. Pelancaran MCY BizMatching;
- V. Pelancaran MRANTI *Innovation Business Opportunities* (IBO)
- VI. Pemeteraian MoU dan MoA;
- VII. Pameran produk; dan
- VIII. Sesi webinar, *pitching*, forum dan dialog.

Usaha-usaha ini akan membuka peluang kepada pasaran yang lebih luas serta memberi keyakinan kepada hasil ciptaan tempatan. Butiran lanjut boleh didapati di <https://mcyportal.mosti.gov.my/web/>

#TAMAT#

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**27 Jun 2023**



Kit Media:

<https://drive.google.com/drive/folders/1TanxmV5qDwbSVMNFmRGQ1VfeQmBcMalh?usp=sharing>

**Pertanyaan Media:**  
Komunikasi Strategik MRANTI

**Fazlyn Kamal**  
[fazlyn@mymagic.my](mailto:fazlyn@mymagic.my)  
(+6012-3033646)

**Syafieqa Satria**  
[syafieqa@mymagic.my](mailto:syafieqa@mymagic.my)  
(+6017-395 1088)

**Syarifah Farhana**  
[farhanasyed@mranti.my](mailto:farhanasyed@mranti.my)  
(+6019-222 0292)